

## CIMB Foundation Criterium Series 1

16 Mac 2019

Velodrom Nasional Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan

# PERATURAN SPESIFIK (CRITERIUM)

Update : 27.02.2019

## 1.0 PERATURAN AM

- 1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung di dalam Peraturan Spesifik ini, perlumbaan akan dijalankan mengikut peraturan-peraturan/undang-undang UCI (Union Cycling Internationale) yang terkini.
- 1.2 Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan, CIMB Foundation Criterium Series 1 adalah muktamad.

## 2.0 DEFINISI

- 2.1 Perlumbaan Criterium merupakan perlumbaan sirkit yang dijalankan di dalam sirkit perlumbaan yang berjarak tidak kurang dari 800m dan tidak melebihi 3 km. Lebar laluan perlumbaan mestilah berukuran minima 6 meter dan 8 meter bagi jarak 200 meter ke garisan penamat

## 3.0 VENUE PERTANDINGAN

- 3.1 Acara ini akan bermula dan tamat di kawasan Velodrom Nasional Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan. Laluan perlumbaan adalah sejauh 1.02 km bagi setiap pusingan. Laluan ini ditutup sepenuhnya dari lalu lintas.



## CIMB Foundation Criterium Series 1

16 Mac 2019

Velodrom Nasional Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan

### 4.0 KELAYAKAN PESERTA

4.1 Kategori umur pelumba adalah seperti berikut :

<i>Kategori</i>	<i>Umur</i>	<i>Tahun Dilahirkan</i>
<b>a. "Road Bike" Remaja</b>		
- Kanak-kanak (L) Bawah 9	7 - 8 tahun	2011 - 2012
- Kanak-kanak (L) Bawah 11	9 - 10 tahun	2009 - 2010
- Kanak-kanak (L) Bawah 13	11 - 12 tahun	2007 - 2008
- Lelaki Bawah 15	13 - 14 tahun	2005 - 2006
- Lelaki Bawah 17	15 - 16 tahun	2003 - 2004
- Lelaki Bawah 19	17 - 18 tahun	2001 - 2002
<b>b. "Road Bike" Elit</b>		
- Kanak-kanak (P) Bawah 9	7 - 8 tahun	2011 - 2012
- Kanak-kanak (P) Bawah 11	9 - 10 tahun	2009 - 2010
- Kanak-kanak (P) Bawah 13	11 - 12 tahun	2007 - 2008
- Wanita Remaja Bawah 15	13 - 14 tahun	2005 - 2006
- Wanita Remaja Bawah 17	15 - 16 tahun	2003 - 2004
- Wanita Remaja Bawah 19	17 - 18 tahun	2001 - 2002
- Lelaki Elit	19 - 34 tahun	1985 - 2000
- Lelaki Novice	19 - 34 tahun	1985 - 2000
- Lelaki Masters	35 tahun ke atas	1984 dan sebelum
- Terbuka Wanita	16 tahun ke atas	2003 dan sebelum
<b>c. Pushbike</b>		
- Pushbike Lelaki	2 - 4 tahun	2015 - 2017
- Pushbike Perempuan	2 - 4 tahun	2015 - 2017
- Pushbike Lelaki	5 - 6 tahun	2013 - 2014
- Pushbike Perempuan	5 - 6 tahun	2013 - 2014

### 5.0 LESEN

5.1 Semua pelumba bagi kategori Elite, Bawah 19 tahun, Bawah 17 tahun dan Bawah 15 tahun (lelaki dan perempuan), diwajibkan mempunyai lesen lumba basikal (UCI) yang dikeluarkan oleh Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia bagi tahun 2019.

### 6.0 JADUAL PERLUMBAAN

15 MAC 2019 (JUMA'AT)		
12.00 tgh - 8.00 mim	Pengesahan Pendaftaran & Penyerahan "Race Pack"	Venue : Bilik JCM, Velodrom Nasional Malaysia, Nilai, N. Sembilan
12.00 tgh	Mesyuarat Pegawai-pegawai Teknikal	Venue : Bilik Mesyuarat, Velodrom Nasional Malaysia, Nilai, N. Sembilan
3.00 ptg	Mesyuarat Pengurus-Pengurus Pasukan	



## CIMB Foundation Criterium Series 1

16 Mac 2019

Velodrom Nasional Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan

16 MAC 2019 (SABTU)			
Masa	Kategori	Masa / Jarak	Jumlah Masa
6.30 pagi	Penyerahan "Race Pack"		
6.45 pagi	Pemeriksaan laluan oleh Pegawai Teknikal Pertandingan		10 minit
7.00 pagi	Kayuhan VVIP		30 minit
8.00 pagi	Kanak-kanak Perempuan Bawah 9	1 pusingan	10 minit
	Kanak-kanak Lelaki Bawah 9	2 pusingan	
	Kanak-kanak Perempuan Bawah 9 - Cadet	1 pusingan	
	Kanak-kanak Lelaki Bawah 9 - Cadet	1 pusingan	
<i>Majlis Penyampaian Hadiah</i>			
8.15 pagi	Kanak-kanak Perempuan Bawah 11 dan 13	2 pusingan	10 minit
	Kanak-kanak Perempuan Bawah 11 dan 13 - Cadet	2 pusingan	
<i>Majlis Penyampaian Hadiah</i>			
8.30 pagi	Push Bike (Kanak-kanak Perempuan 2 - 4 tahun)	Pusingan Kelayakan (sekiranya perlu) * Venue yang berasingan	
	Push Bike (Kanak-kanak Lelaki 2 - 4 tahun)		
	Push Bike (Kanak-kanak Perempuan 5 - 6 tahun)		
	Push Bike (Kanak-kanak Lelaki 5 - 6 tahun)		
8.30 pagi	Kanak-kanak Lelaki Bawah 11	3 pusingan	10 minit
	Kanak-kanak Lelaki Bawah 11 - Cadet	3 pusingan	
<i>Majlis Penyampaian Hadiah</i>			
8.45 pagi	Kanak-kanak Lelaki Bawah 13	3 pusingan	10 minit
<i>Majlis Penyampaian Hadiah</i>			
9.00 pagi	Kanak-kanak Lelaki Bawah 13 - Cadet	3 pusingan	10 minit
<i>Majlis Penyampaian Hadiah</i>			
9.15 pagi	Remaja Wanita Bawah 15	10 minit + 2 pusingan	15 minit
<i>Majlis Penyampaian Hadiah</i>			
9.35 pagi	Push Bike (Kanak-kanak Perempuan 2 - 4 tahun)	Pusingan Akhir * Venue yang berasingan	
	Push Bike (Kanak-kanak Lelaki 2 - 4 tahun)		
	Push Bike (Kanak-kanak Perempuan 5 - 6 tahun)		
	Push Bike (Kanak-kanak Lelaki 5 - 6 tahun)		
<i>Majlis Penyampaian Hadiah</i>			
9.35 pagi	Remaja Wanita Bawah 15 - Cadet	3 pusingan	10 minit
<i>Majlis Penyampaian Hadiah</i>			
9.50 pagi	Remaja Lelaki Bawah 15	10 minit + 2 pusingan	15 minit
<i>Majlis Penyampaian Hadiah</i>			
10.10 pagi	Remaja Lelaki Bawah 15 - Cadet	3 pusingan	10 minit
<i>Majlis Penyampaian Hadiah</i>			
10.25 pagi	Remaja Wanita Bawah 17	10 minit + 3 pusingan	15 minit
<i>Majlis Penyampaian Hadiah</i>			

## CIMB Foundation Criterium Series 1

16 Mac 2019

Velodrom Nasional Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan

Masa	Kategori	Masa / Jarak	Jumlah Masa
10.45 pagi	Remaja Wanita Bawah 19	15 minit + 3 pusingan	20 minit
<i>Majlis Penyampaian Hadiah</i>			
11.10 pagi	Lelaki Bawah 17 - Kump. A (pelumba negeri)	15.3 km (15 pusingan)	25 minit
<i>Majlis Penyampaian Hadiah</i>			
11.40 pagi	Lelaki Bawah 17 - Kump. B (pelumba novis)	10 minit + 3 pusingan	15 minit
<i>Majlis Penyampaian Hadiah</i>			
12.00 tgh	Terbuka Wanita	15 minit + 2 pusingan	20 minit
<i>Majlis Penyampaian Hadiah</i>			
12.25 tgh	Lelaki Bawah 19	18.36 km (18 pusingan)	30 minit
<i>Majlis Penyampaian Hadiah</i>			
1.00 ptg	Lelaki Elit (19 - 34 tahun)	24.48 km (24 pusingan)	35 minit
<i>Majlis Penyampaian Hadiah</i>			
1.40 ptg	Lelaki Novice dan Lelaki Masters	20 minit + 2 pusingan	25 minit
<i>Majlis Penyampaian Hadiah</i>			
2.20 ptg	Majlis Bersurai		

### 7.0 BASIKAL

- 7.1 Semua basikal yang akan digunakan di dalam perlumbaan dimestikan menjalani pemeriksaan oleh petugas-petugas yang berkenaan di dalam kawasan yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur. Setiap pelumba wajib untuk membawa basikal untuk pemeriksaan sekurang-kurangnya 45 minit sebelum masa pertandingan.
- 7.2 Mana-mana basikal yang didapati tidak selamat untuk digunakan ataupun tidak mematuhi piawai yang telah ditetapkan akan dibenarkan untuk dibaiki di luar kawasan pemeriksaan basikal tadi. Basikal yang telah dibaiki ini mestilah menjalani pemeriksaan semula sebelum dibenarkan untuk digunakan semasa berlumba.

### 8.0 "GEARING"

- 8.1 Basikal Pelumba-pelumba bagi kategori Bawah 11, Bawah 13, Bawah 15, Bawah 17 dan Bawah 19 mestilah mengikut "gear ratio" yang telah ditetapkan untuk pelumba-pelumba remaja. Semua pelumba di bawah kategori ini dimestikan mengunci basikal mereka mengikut "gear ratio" seperti yang ditetapkan sepertimana jadual di bawah :

KATEGORI PELUMBA	MAX. GEAR RATIO	CHAINRING & SPOKET	ROLL OUT	
			Meter	Inches
Bawah 11 & Bawah 13	5.5 M atau 70.80 Inches	34 X 13	5.5	70.62
		36 X 14	5.4	69.43
		39 X 15	5.5	70.20
		42 X 16	5.5	70.88
		50 X 19	5.5	71.05
		52 X 20	5.5	70.20
		53 X 21	5.3	68.14



## CIMB Foundation Criterium Series 1

16 Mac 2019

Velodrom Nasional Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan

KATEGORI PELUMBA	MAX. GEAR RATIO	CHAINRING & SPOKET	ROLL OUT	
			Meter	Inches
Bawah 15	6.0 M atau 75.60 Inches	34 X 12	5.9	76.50
		36 X 13	5.8	74.77
		39 X 14	5.9	75.21
		42 X 15	5.9	75.60
		50 X 18	5.8	75.00
		52 X 19	5.8	73.89
		53 X 19	5.9	75.32
Bawah 17	7.0 M atau 90 Inches	34 X 11	6.5	83.45
		36 X 11	6.9	88.36
		39 X 12	6.8	87.75
		42 X 13	6.8	87.23
		50 X 15	7.0	90.00
		52 X 16	6.8	87.75
		53 X 16	7.0	89.44
Bawah 19	7.8 M atau 100 Inches	34 X 11	6.5	83.45
		36 X 11	6.9	88.36
		39 X 11	7.5	95.73
		42 X 12	7.4	94.50
		50 X 14	7.5	96.43
		52 X 14	7.8	100.29
		53 X 15	7.4	95.40

- 8.2 Semua pelumba di bawah kategori ini dimestikan membawa basikal mereka untuk menjalani pemeriksaan "gearing" oleh pihak komisar sebelum mereka menandatangani "sign on sheet".
- 8.3 Sebaik sahaja pelumba-pelumba menamatkan perlumbaan mereka, lima (5) pelumba terbaik, akan dikenakan pemeriksaan basikal bagi memastikan mereka telah menggunakan "gearing" yang telah ditetapkan.
- 8.4 Semasa pemeriksaan basikal ini dibuat, sekiranya didapati mereka telah gagal mematuhi garis panduan penetapan gearing sepertimana yang telah ditetapkan, pihak Panel Komisar berhak membatalkan kemenangan pelumba-pelumba tersebut.

### 9.0 PERATURAN PERLUMBAAN

- 9.1 Jumlah masa berlumba atau jarak perlumbaan serta waktu pelepasan pelumba adalah sepertimana tercatat di jadual perlumbaan.
- 9.2 Sekiranya jumlah pelumba bagi mana-mana kategori melebihi 100 orang, pusingan kelayakan (saringan) akan diadakan bagi memilih pelumba-pelumba terbaik untuk berlumba di pusingan akhir.
- 9.3 Semua pelumba dimestikan menurunkan tandatangan mereka di borang pengesahan pelumba (*Sign On Sheet*). Mereka mesti hadir untuk menurunkan tandatangan sekurang-kurangnya 1 jam sebelum waktu perlumbaan. Masa untuk menurunkan tandatangan ini akan tamat 15 minit sebelum waktu perlumbaan.



## CIMB Foundation Criterium Series 1

16 Mac 2019

Velodrom Nasional Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan

- 9.4 Panel Komisar berhak membatalkan penyertaan atau membatalkan kemenangan mana-mana pelumba yang gagal untuk menurunkan tandatangan mereka di borang pengesahan pelumba (*Sign On Sheet*). *Article 2.3.009 & 2.12.007 (1.1) - UCI Cycling Regulation*
- 9.5 Satu (1) "Repair Pit" akan disediakan. Hanya kerosakan basikal yang sah (valid mishap) layak mendapat tiga (3) pusingan berkecuali (neutral lap). Pelumba yang berkenaan diminta berkayuh ke "Repair Pit" yang disediakan untuk mendapatkan bantuan dari pasukan masing-masing dan seterusnya menunggu sehingga kumpulannya (group) tiba. Walau bagaimanapun pusingan berkecuali ini tidak dibenarkan pada kedudukan tiga (3) pusingan terakhir.
- 9.6 Pelumba yang telah di "overlapped" tidak dibenarkan meneruskan perlumbaan.
- 9.7 Sekiranya berlaku kejadian-kejadian yang tidak diduga semasa perlumbaan, Panel Komisar berhak memberhentikan sementara perlumbaan tersebut. Apabila perlumbaan berjalan semula, Panel Komisar berhak mengurangkan jarak / masa perlumbaan bagi kategori tersebut.
- 9.8 Penentuan pemenang berdasarkan kedudukan pelumba yang melintasi garisan penamat semasa pecutan di pusingan terakhir.

### 10.0 TOPI KELEDAR (HELMET), PAKAIAN (JERSI) DAN KASUT

- 10.1 Semua pelumba dimestikan memakai hard shell helmet yang bersesuaian dan mempunyai ciri-ciri keselamatan. Pihak penganjur atau komisar berhak menghalang pelumba-pelumba yang tidak menggunakan helmet yang bersesuaian dan mempunyai ciri-ciri keselamatan daripada menyertai perlumbaan.
- 10.2 Pelumba-pelumba juga hendaklah memakai pakaian yang sesuai dengan perlumbaan basikal. Pemakaian jeans, jersi yang tidak berleungan (sleeveless), berselipar atau sandal adalah di larang sama sekali. Pihak komisar mempunyai kuasa untuk melarang pelumba dari bertumba jika terdapat etika pemakaian yang tidak melambangkan semangat perlumbaan basikal.

### 11.0 NOMBOR PELUMBA DAN NOMBOR BASIKAL

- 11.1 Semua pelumba akan dibekalkan dengan dua (2) keping nombor pelumba dan satu (1) keping nombor basikal. Nombor pelumba dan nombor basikal mestilah dalam keadaan yang asal dan sempurna, tidak boleh dipotong atau dilipat. Sebarang pengubahsuaian nombor-nombor tersebut adalah dilarang sama sekali.

- 11.2 Nombor pelumba mestilah diletakkan/dipinkan dalam keadaan sempurna; satu (1) keping di bahagian belakang pelumba dan satu (1) keping di bahagian rusuk kiri pelumba seperti gambarajah sebelah :



## CIMB Foundation Criterium Series 1

16 Mac 2019

Velodrom Nasional Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan

### 12.0 KIRAAN MATA JCM

- 12.1 Sistem kiraan mata bagi setiap pemenang akan diadakan bagi memilih Juara Keseluruhan selepas semua siri bagi tahun 2019 ini. Kategori-kategori yang akan dinilai adalah seperti berikut :

LELAKI	WANITA
Bawah 17 - Kumpulan A	Bawah 17
Bawah 19	Bawah 19

- 12.2 Kiraan mata yang telah ditetapkan adalah seperti berikut :

KEDUDUKAN (RANKING)	JUMLAH MATA MENGIKUT ACARA
1	200
2	150
3	125
4	100
5	85
6	70
7	60
8	50
9	40

KEDUDUKAN (RANKING)	JUMLAH MATA MENGIKUT ACARA
10	35
11	30
12	25
13	20
14	15
15	10
16 hingga 30	5
31 hingga 40	3
41 hingga ...	1

- 12.3 Pihak penganjur akan mengedarkan kedudukan mata pelumba / pasukan selepas tamat setiap siri.
- 12.4 Pelumba-pelumba/pasukan diwajibkan untuk mengambil bahagian di dalam sekurang-kurangnya tujuh (7) siri termasuk siri terakhir yang diadakan untuk tahun semasa bagi melayakkan mereka memenangi juara keseluruhan yang akan diberikan selepas tamat siri terakhir.
- 12.5 Sekiranya kedudukan mata adalah sama, kedudukan (ranking) pelumba/pasukan semasa siri terakhir akan menjadi penentuan bagi menentukan para pemenang.

### 13.0 MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH

- 13.1 Semua pemenang mesti berada di tempat penyampaian hadiah pada masa yang telah ditetapkan.
- 13.2 Pemenang-pemenang yang terlibat diwajibkan memakai jersi / seluar perlumbaan atau track suit, memakai kasut track atau kasut sukan.
- 13.3 Pemenang-pemenang yang terlibat tidak dibenarkan memakai kaca mata jenis 'sun-glass' dan juga topi semasa menaiki podium untuk menerima hadiah.
- 13.4 Pemenang tidak dibenarkan membawa bendera semasa menaiki podium untuk upacara penyampaian hadiah (The winners are not allowed to bring on the podium national/regional flags or any other symbol of culture and religion. Flags is only allowed after the official prize presentation ceremony is completed.)





## **CIMB Foundation Criterium Series 1**

**16 Mac 2019**

**Velodrom Nasional Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan**

### **14.0 BANTAHAN / TATATERTIB**

- 14.1 Semua pelumba/pasukan boleh membuat bantahan. Bantahan hendaklah dibuat secara bertulis dengan disertakan wang pertaruhan berjumlah **RM 200.00 tunai** kepada **Panel Komisar** dalam tempoh masa lima belas (15) minit selepas keputusan rasmi sesuatu kategori diumumkan.
- 14.2 Sekiranya aduan bantahan atau rayuan itu munasabah dan diterima oleh Panel Komisar, maka wang pertaruhan itu akan dikembalikan dan satu keputusan bersesuaian akan dibuat berhubung dengan aduan, bantahan atau rayuan itu.
- 14.3 Wang pertaruhan itu akan lucut hak (tidak akan dikembalikan) dan menjadi pendapatan kepada penganjur sekiranya aduan, bantahan atau rayuan itu didapati tidak munasabah atau ditolak.

### **15.0 HAL-HAL LAIN**

- 15.1 Mana-mana pelumba yang telah mendaftar dan diberikan No. Pelumba tidak dibenarkan sama sekali untuk menyerahkan nombor tersebut kepada pelumba lain (memberi kebenaran pelumba lain menggunakan nombor beliau).
- 15.2 Pelumba yang tidak mendaftar diri tidak dibenarkan sama sekali untuk menggunakan nombor pelumba lain. Sekiranya kejadian ini berlaku, pihak penganjur berhak membatalkan penyertaan beliau atau membatalkan kemenangan beliau.
- 15.3 Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku sebarang kecederaan, kemalangan, kematian atau kerosakan serta kehilangan harta benda, sebelum, semasa atau selepas pertandingan ini berlangsung.
- 15.4 Pihak penganjur berhak untuk membuat sebarang pindaan atau perubahan kepada peraturan-peraturan yang dinyatakan di atas tanpa sebarang pemberitahuan terlebih dahulu. Sebarang pindaan akan diputuskan di dalam Mesyuarat Pengurus Pasukan. Keputusan yang dibuat di dalam Mesyuarat Pengurus Pasukan adalah muktamad.

*Terima kasih.*

